

QUDWAH DAN PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

Azmil Hashim¹
Norhisham Muhamad²
Mohd Marzuqi Abdul Rahim³

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau Qudwah di sekolah serta hubung kait dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA ketika di luar sekolah dan asrama. Kajian ini berbentuk tinjauan untuk mencari maklumat tentang strategi Qudwah yang digunakan di SMKA. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan strategi Qudwah pada tahap tinggi dan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama pada tahap tinggi. Manakala analisis korelasi yang dijalankan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara strategi Qudwah dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama. Analisis regresi juga membuktikan strategi Qudwah memberikan sumbangan sebanyak 18.1% terhadap penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama. Dapatan ini menunjukkan strategi Qudwah memberi kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak pelajar dan dibudayakan di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah.

Kata kunci: *Qudwah, Moral, Sekolah Menengah Agama*

THE QUDWAH (GOOD EXAMPLE) AND CHARACTER APPRECIATION OF STUDENT BEHAVIOUR OF RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS (SMKA)

Abstract

The purpose of this research is to identify the qudwah and its relationship with the character appreciation of student behaviour of religious secondary schools (SMKA). This study is in the form of survey to find out information on the Qudwah strategy which is used as a teaching element in SMKA. The finding of the result shows that the Qudwah strategy is at a high level and the character appreciation of student behaviour inside and outside the schools of Religious Secondary Schools (SMKA) is also at a high level. While the correlation analysis conducted shows that there is a significant relationship between Qudwah strategy and the character appreciation of student behaviour inside and outside the schools of Religious Secondary Schools. The regression analysis also prove that the Qudwah strategy contribute a total of 18.1% to the students' moral character understanding, inside and outside the schools. The findings show that the Qudwah strategy had a

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 35900 Perak, Tel: +60193375119 E-mail: azmil@fsk.upsi.edu.my

² Pelajar Phd, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 35900 Perak, Tel: +60193375119 E-mail: azmil@fsk.upsi.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 35900 Perak, Tel: +60196607574 E-mail: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

positive effect on the moral character development of students and it is suitable acculturation for use by the Ministry of Education, the State Education Department and the school.

2016 GBSEJournal

Pengenalan

Pendidikan pada hakikatnya untuk membantu pelajar mengembangkan potensi diri yang dimiliki sehingga menjadi manusia yang berguna dan berakhlak seperti mana yang telah digariskan dalam falsafah pendidikan negara dan falsafah pendidikan Islam.

Menurut Abdullah Al-Qari (1989) nilai akhlak yang mulia perlu disemai dalam ingatan seseorang supaya tetap bertapak dalam hatinya agar dia sentiasa berwaspada dalam segala gerak-geri dan tindak tanduknya. Jika dia terlupa nilai-nilai tersebut, dia akan melakukan perkara yang keji. Pendidikan akhlak ialah pendidikan yang bersifat teori dan praktis. Sumber pendidikan akhlak ialah pengajaran daripada al-Qur'an, contoh tauladan daripada Rasulullah s.a.w serta perbuatan baik menurut pertimbangan akal yang sihat, sesuai dengan peredaran waktu, keadaan dan tempat. Ini selaras dan bertepatan dengan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud:

“ Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000)

PERNYATAAN MASALAH

Syahidin (1999) menjelaskan *Qudwah* (keteladan) salah satu metode pendidikan dengan cara memberikan contoh yang baik kepada pelajar, sama ada dengan ucapan ataupun perbuatan. Hery Noer Ali (1999) menjelaskan *Qudwah* merupakan salah satu metode pendidikan yang diterapkan Rasulullah dan paling banyak pengaruhnya terhadap keberhasilan menyampaikan misi dakwahnya. Ahli pendidikan banyak yang berpendapat bahawa pendidikan dengan teladan merupakan metode yang paling berhasil sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Ulwan (1989) pendidik akan merasa mudah menyampaikan pesannya secara lisan. Namun pelajar akan merasa susah untuk memahami pesanan guru apabila gurunya tidak memberi contoh tentang pesanan yang disampaikan.

Menurut Muhammad Ibrahim (2002) guru memainkan peranan yang penting di mata pelajar, apa yang dilihat dari gurunya akan ditirunya, kerana murid akan meniru dan meneladani apa yang dilihat dari gurunya. Kenyataan ini menunjukkan *Qudwah* (teladan) memainkan peranan yang penting dalam mendidik akhlak pelajar, teladan menjadi kaedah penting dalam mendidik dan membina akhlak pelajar, kalau pendidik berakhlak baik ada kemungkinan anak didiknya juga berakhlak baik, kerana pelajar akan meniru gurunya, sebaliknya kalau guru berakhlak buruk ada kemungkinan pelajar juga akan berakhlak buruk.

Menurut Ishak Ismail (2012) terdapat pelbagai kes salah laku dan kemerosotan akhlak pelajar-pelajar di sekolah menengah aliran agama yang menerima pendidikan agama secara langsung dan mendapati terdapat pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama yang terlibat dengan kegiatan judi dengan jumlah min 2.22 (sederhana rendah), terlibat dengan kes mencuri dengan min 3.52 (sederhana tinggi), terlibat dengan kegiatan peras ugut 3.12 (sederhana tinggi), terlibat dengan merokok 3.22 (sederhana tinggi) dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah 2.00 (rendah). Manakala temu bual dengan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bahagian Kuching pada 10 Oktober 2013 juga tidak menafikan ada kalangan pelajar yang melakukan perkara yang kurang sesuai dalam situasi pembelajaran mereka di SMKA. Menurut beliau, kesalahan pelajar tahun 2013 melibatkan kesalahan merokok 20 orang, terlibat dengan mengambil pil khayal melibatkan 10 orang pelajar lelaki dan 7 orang pelajar perempuan, bergaduh 2 kes yang menjadi kes polis, terlibat dengan ganja 2 orang dan terlibat dengan meminum minuman keras 8 orang.

Proses pembentukan akhlak manusia boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran di mana seseorang itu menjalani kehidupan. Faktor persekitaran yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, guru dan elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh media massa (Ahmad Munawar Ismail, 2009). Suasana sekolah yang mencerminkan persekitaran agama dapat menyediakan persekitaran yang harmoni yang membawa ke arah kejayaan akademik dan sahsiah yang tinggi dalam kalangan pelajar (Fathiah Saini, 2005). Mengikut perspektif sarjana Barat, Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa.

Antara usaha untuk mewujudkan persekitaran yang baik di sekolah dengan melaksanakan strategi *Qudwah* iaitu contoh teladan. Ibn Khaldun (1993) menjelaskan *Qudwah* iaitu contoh teladan yang baik kepada para pelajar perlu diberi perhatian. Ini kerana Islam tidak menyajikan *Qudwah* sekadar untuk dikagumi atau untuk direnungkan dalam lautan hayat kehidupan yang serba abstrak. Islam menyediakan keteladanan untuk diterapkan dalam diri sendiri, setiap orang diharapkan dapat meneladani sesuatu perkara sesuai dengan kemampuannya. Islam juga mengakui bahawa medium pendidikan yang paling efektif dan berpengaruh adalah melalui contoh teladan. Bagi manusia, keteladanan ini hendaknya sentiasa dapat diperolehi diseluruh masa kehidupan, seorang pelajar harus mempunyai teladan atau model yang dapat dicontohi dalam menanam prinsip-prinsip serta nilai-nilai positif dalam peribadinya.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti strategi *Qudwah* yang dilaksanakan di SMKA
- iii. Mengenal pasti hubungan antara strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama
- iv. Mengenal pasti pengaruh strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama

Kesimpulannya contoh teladan merupakan satu strategi yang boleh digunakan untuk membentuk akhlak dan keperibadian pelajar. Semua pihak berperanan menjadikan diri

masing-masing sebagai contoh teladan kepada golongan muda dalam membentuk keperibadian unggul golongan remaja.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen orang soal selidik. Menurut Mohd Majid (2004) penggunaan soal selidik bertujuan untuk mengumpul data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah-pembolehubah tersebut wujud. Sidi Gazalba (1981) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu kajian untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individu dalam sesuatu masa. Strata yang dipilih dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang dibahagikan kepada lima zon iaitu Timur, Selatan, Utara, Tengah dan Malaysia Timur yang berjumlah 6430 dan seramai 886 orang responden terlibat dalam kajian ini.. Sejumlah 10 item yang berkaitan dengan strategi Qudwah dan 75 item tentang penghayatan akhlak pelajar telah digunakan. Skala likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai digunakan untuk melaporkan dapatan strategi Qudwah dan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama. Manakala korelasi Spearman digunakan untuk menjelaskan hubungan antara strategi Qudwah dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama.

Dapatan kertas kerja ini hanya melibatkan satu strategi sahaja iaitu strategi *Qudwah* daripada enam strategi (*Ansyitah, Qudwah, Amali, Taqlid, Talqin* dan *Takrir*) yang mengandungi analisis penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama, analisis korelasi dan analisis regrasi antara strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama.

Dapatan kajian dan perbincangan

Strategi *Qudwah* mempunyai skor min yang tinggi iaitu 4.00. Item yang seimbang antara interpretasi tinggi dengan sederhana tinggi. Seramai 93.3% pelajar bersetuju pengetua mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan (min=4.14, sp=1.036), seterusnya 96.4 % bersetuju guru mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan (min=4.18, sp=0.884), manakala 93.4 % bersetuju staf sokongan juga mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan (min=3.84, sp=0.977), seramai 94.2% pelajar bersetuju rakan sebaya mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik dapat dijadikan teladan (min=3.84, sp=0.953), 92% pelajar menyatakan maklum balas yang diberikan oleh pengetua tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak mereka (min=3.94, sp=1.020), 96% pelajar pula bersetuju maklum balas yang diberikan oleh guru tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak mereka (min=4.07, sp=0.874), manakala 95.1% menyatakan maklum balas yang diberikan oleh rakan tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak mereka (min=3.99, sp=0.895), seramai 93.2% pelajar berpendapat budaya dan persekitaran sekolah menjadi panduan akhlak mereka (min=3.94, sp=0.960), manakala 92.9% pelajar menyatakan budaya dan persekitaran sekolah menjadi faktor pendorong yang kuat untuk mereka mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak (min=4.00, sp=0.962), seterusnya 93.5% pelajar berpendapat budaya dan persekitaran sekolah menjadi benteng dan teladan kepada mereka daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak (min=4.023, sp=0.974).

Jadual 1

Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tentang Strategi Qudwah

Item	STS %	TS %	AS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengetua mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk saya jadikan teladan.	32 3.6	27 3.0	149 16.8	255 28.8	423 47.7	4.14	1.036	Tinggi
Guru mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk saya jadikan teladan.	10 1.1	22 2.5	154 17.4	311 35.1	389 43.9	4.18	0.884	Tinggi
Staf sokongan mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk saya jadikan teladan.	19 2.1	39 4.4	244 27.5	299 33.7	285 32.2	3.89	0.977	Sederhana Tinggi
Rakan sebaya mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk saya jadikan teladan.	14 1.6	38 4.3	284 32.1	286 32.3	264 29.8	3.84	0.953	Sederhana Tinggi
Maklum balas yang diberikan oleh Pengetua tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak saya.	30 3.4	41 4.6	185 20.9	325 36.7	305 34.4	3.94	1.020	Sederhana Tinggi
Maklum balas yang diberikan oleh guru tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak saya.	13 1.5	22 2.5	164 18.5	374 42.2	313 35.3	4.07	0.874	Tinggi
Maklum balas diberikan oleh rakan tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak saya.	14 1.6	26 2.9	196 22.1	367 41.4	283 31.9	3.99	0.895	Sederhana Tinggi
Budaya dan persekitaran sekolah menjadi panduan akhlak saya.	19 2.1	41 4.6	198 22.3	341 38.5	287 32.4	3.94	0.960	Sederhana Tinggi
Budaya dan persekitaran sekolah menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak	17 1.9	46 5.2	170 19.2	340 38.4	313 35.3	4.00	0.962	Tinggi
Budaya dan persekitaran sekolah menjadi benteng dan teladan kepada saya daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak.	24 2.7	33 3.7	167 18.8	336 37.9	326 36.8	4.02	0.974	Tinggi
Min Keseluruhan						4.00	0.696	Tinggi

Jadual 1 di atas menunjukkan dapatan kajian tentang strategi *Qudwah*. Berdasarkan item-item kajian yang dijawab oleh responden menunjukkan, strategi *Qudwah* memberi

kesan terhadap penghayatan akhlak pelajar. Warga sekolah berperanan menunjukkan *Qudwah* bermula dengan pengetua, guru, staf sokongan dan dalam kalangan pelajar itu sendiri. Dapatan kajian ini menjelaskan kepada kita bahawa pengetua, guru dan persekitaran sekolah menjadi *Qudwah* yang diikuti oleh semua warga dalam sekolah.

Analisis Deskriptif telah dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penghayatan akhlak di luar sekolah dan asrama yang telah diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu adab dan akhlak terhadap Allah dan Rasul, adab dan akhlak terhadap diri, adab dan akhlak terhadap sekolah dan masyarakat, dan adab dan akhlak terhadap alam sekitar. Jadual 2 menjelaskan bahawa skor min penghayatan akhlak yang diinterpretasikan pada aras tinggi terdiri daripada penghayatan akhlak terhadap Allah dan Rasul (min=4.30, sp=0.478) dan penghayatan adab dan akhlak terhadap diri (min=4.30, sp=0.502). Manakala penghayatan adab dan akhlak terhadap sekolah dan masyarakat (min=3.98, sp=0.615) dan adab dan akhlak terhadap alam sekitar (min=3.98, sp=0.615) diklasifikasikan pada aras sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, tahap penghayatan adab dan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama berada pada tahap tinggi (min=4.25, sp=0.454).

Jadual 2: Skor min persepi penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama

Komponen	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Adab dan akhlak terhadap Allah dan Rasul	4.30	0.478	Tinggi
Adab dan akhlak terhadap diri	4.30	0.502	Tinggi
Adab dan akhlak terhadap sekolah dan masyarakat	3.98	0.615	Sederhana tinggi
Adab dan akhlak terhadap alam sekitar	3.98	0.615	Sederhana tinggi
Jumlah	4.25	0.454	Tinggi

Keputusan analisis korelasi *Spearman* menjelaskan hubungan antara strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual tujuh. Analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi *Qudwah* (teladan) ($r=0.410$, $p<0.01$) dengan nilai r adalah sederhana tinggi dan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama di kalangan responden dalam kajian ini.

Jadual 3: Korelasi antara strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama

	R	Sig.P
<i>Qudwah</i> (teladan)	0.410**	0.000

** Signifikan pada aras $p<0.01$

Jadual 4 dan 5 di bawah menunjukkan hasil regrasi mudah bagi strategi *Qudwah* yang telah dianalisis untuk mengetahui pengaruh terhadap penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama. Hasil daripada regrasi mudah yang telah dijalankan mendapati varians strategi *Qudwah* adalah signifikan terhadap penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama, iaitu $F=195.207$, $\text{sig}=0.000<0.05$, nilai Beta 0.425, $t=13.972$ dan $\text{sig}=0.000$ serta $R^2=0.181$. Ini menunjukkan strategi *Qudwah* mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama. Analisis korelasi regrasi menunjukkan korelasi positif bahawa 18.1% pemboleh ubah strategi *Qudwah* memberi kesan, menyumbang atau mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama. Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan

regresi ini ialah apabila pemboleh ubah strategi *Qudwah* meningkat maka skor penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama akan meningkat sebanyak 0.651 unit. Dapatan regresi dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut :

$$Y = 1.235 + 0.181X + 0.047$$

Y Penghayatan Akhlak Pelajar Di Luar Sekolah dan Asrama

X Strategi *Qudwah*

Pemalar (constant) 1.235

Ralat Piawaian (standard Error) 0.047

Jadual 4: Analisis Varians Pengaruh Strategi Qudwah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar di Luar Sekolah dan Asrama

Model		Jumlah	Df	Min	F	Sig.
		Kuasa Dua		Kuasa dua		
1	Regrasi	77.634	1	77.634	195.207	0.000 ^b
	Residual	351.565	884	0.398		
	Total	429.199	885			

Signifikan pada aras 0.05

Predictors : (Constant), Strategi *Qudwah*

Dependent Variable : Penghayatan Akhlak Pelajar Di Luar Sekolah dan Asrama

Jadual 5: Ujian Regression Pengaruh Strategi Qudwah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar di Luar Sekolah dan Asrama

Peramal	B	Ralat Piawai	Beta	t	Sig.	R ²	Sumbangan
Penghayatan Akhlak	0.651	0.199	0.425	6.196	0.000.	0.181	18.1%
Pemalar	1.235	0.047		13.972	0.000		

Dependent Variable : Strategi *Qudwah*

Dapatan kajian tentang strategi *Qudwah* sebanyak 10 item telah diuji, berdasarkan dapatan kajian didapati 5 item berada pada tahap tinggi dan 5 item berada pada tahap sederhana tinggi menyebabkan dapatan keseluruhan strategi *Qudwah* adalah tinggi iaitu (min=4.03, sp=0.679). Hal ini menunjukkan strategi *Qudwah* sesuai dilaksanakan dalam mewujudkan *Biah Solehah* dan melatih pelajar dalam mengamalkan penghayatan akhlak di luar sekolah dan asrama. Min yang paling tinggi berada pada ceramah agama sempena Hari Kebesaran Islam (4.35, sp=0.846). Aktiviti ceramah keagamaan memberi sumbangan yang besar dalam mewujudkan *Biah Solehah* di SMKA. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan Ishak Ismail (2012) yang menyatakan aktiviti keagamaan dapat mewujudkan satu budaya keagamaan atau *Biah Solehah* di sekolah. Melalui strategi *Ansyitah*, ia menjadi satu cara hidup warga sekolah menengah Agama dalam mengamalkan cara hidup Islam dan diteruskan dalam masyarakat ketika pelajar tidak berada di sekolah dan asrama.

Dapatan kajian tentang penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama daripada 75 item telah diuji, menunjukkan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama pada tahap yang tinggi (min=4.25, sp=0.454). Hasil dapatan ini menunjukkan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama amat memuaskan kerana mereka

diasuh dalam didikan agama yang berterusan. Apabila berada di luar sekolah dan asrama, pelajar-pelajar masih meneruskan penghayatan akhlak Islam kerana mereka telah terbiasa dengan amalan-amalan keagamaan ketika di sekolah dan asrama. Dapatan ini sama dengan hasil kajian Ishak Ismail (2012) yang mendapati pelajar sekolah agama mengamalkan budaya nilai-nilai keagamaan yang tinggi.

Dapatan kajian juga mendapati terdapatnya hubungan antara strategi *Qudwah* dengan penghayatan akhlak pelajar SMKA di luar sekolah dan asrama. Melalui analisis korelasi yang dijalankan menunjukkan strategi *Qudwah* memberi sumbangan kepada penghayatan akhlak pelajar SMKA. Strategi *Qudwah* ini perlu digarap dengan lebih menarik lagi supaya dapat menarik pelajar mengikutinya dan dapat memberi kesan terhadap penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama serta dapat menyerapkan persekitaran yang kurang baik dalam masyarakat dan dapat mempamerkan nilai akhlak yang tinggi apabila berada dalam masyarakat.

Kesimpulan

Penggunaan strategi *Qudwah* ini menjadi salah satu usaha yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam membentuk akhlak pelajar. Kejayaan dan kegagalan sesuatu strategi bukan tertakluk kepada teori sahaja malah ia bergantung pada aspek pelaksanaan dan komitmen pihak yang terlibat. Hal ini perlu dilihat dan perlu dikenal pasti setiap masa agar masalah yang wujud dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Rujukan

- Abdullah bin Muhammad Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan ar Rahman*, Kuala Lumpur Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Thesis PHD Univerisiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan
- Abdullah al-Qari. 1989, *Dasar Pendidikan Menurut Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 96.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan anak-anak dalam Islam* (2 jld.,Cet 3, Syed Ahad Semait Terj.) Singapura: Pustaka Nasional.
- Berne, Eric. (1964). *Games people play: The psycology of human relationships*. New York: Ballantine Books.
- Fathiah Saini. (2005). *Kepimpinan pengajaran daripada perspektif Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya .Kuala Lumpur.
- Hery Noer Ali. 1999. *Ilmu Pendidikan Islam*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu, hlm. 1184.
- Ibnu Khaldun .1993. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Ismail. 2012. *Budaya nilai-nilai keagamaan dan disiplin pelajar di sekolah menengah agama negeri Selangor*. Thesis PHD Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Majid Konting, 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad bin Ibrahim al- Hamd.2002, *Maal Muallimin*, Penerjemah, Ahmad Syaikhu, Jakarta: Darul Haq. h.140.

- Syahidin. 1999. *Metode Pendidikan Qur'ani Teori dan Aplikasi*, Jakarta: CV Misaka Galiza, Cet. I, h. 135.
- Sidi Gazalba. 1981. *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Thesis*, Pustaka Antara.